

**INDUSTRI TELEKOMUNIKASI DAN PERTUMBUHAN
EKONOMI MALYSIA : ANALISIS SIRI MASA**

**Oleh
ZAKIMI BIN IBRAHIM**

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi
(Sumber Alam)

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA**

2006

1100044391

PENGAKUAN

Saya akui kertas projek (EKN 4998/9) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

1 MAC 2005


.....
ZAKIMI BIN IBRAHIM
UK 8549

DECLARATION

I hereby declare that this project paper (EKN 4998/9) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated other sources are acknowledge by giving explicit references is appended.

1 MARCH 2005


.....
ZAKIMI BIN IBRAHIM
UK 8549

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya saya berjaya menyiapkan dan menyudahkan kertas ilmiah ini bagi memenuhi jam kredit bagi dua semester terakhir untuk subjek Kertas Projek (EKN 4998/9). Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu **EN. Nanthakumar A/L Loganathan** kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan panduan serta maklumat yang berguna kepada saya. Selain itu, ucapan terima kasih juga untuk rakan-rakan sekuliah yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menyempurnakan kajian ini. Sekalung penghargaan turut diberikan kepada ibu bapa iaitu Ibrahim Bin Haji Baharom dan Siti Hawa Binti Abdullah serta keluarga yang sentiasa memberi galakan dan sokongan sepanjang saya menjalankan kertas projek ini. Pihak-pihak yang terlibat dalam pencarian data juga diucapkan jutaan terima kasih dalam memudahkan proses penyediaan kertas projek ini. Sebelum mengundurkan diri sekali lagi ucapan tanda penghargaan saya ucapkan kepada semua yang telah banyak membantu dan memberi semangat kepada saya untuk menyiapkan kertas ilmiah ini. Sebagai penutup kata, saya berharap kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan panduan yang berharga kepada saya untuk menceburi bidang pekerjaan nanti dan dapat memberi pengalaman kepada saya untuk menjalankan kajian pada masa-masa akan datang.

Jasa semua yang membantu amat saya hargai. Sekian

Zakimi Bin Ibrahim
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)
k_mie07@yahoo.com

INDUSTRI TELEKOMUNIKASI DAN PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA : ANALISIS SIRI MASA

ABSTRAK

Peralihan perhubungan berasaskan Teknologi Maklumat (IT) mula berkembang pesat dengan begitu pantas di peringkat global. khususnya dari aspek penggunaan internet dan telefon selular. Aliran kemasukan internet ditentukan melalui kombinasi kewujudan infrastruktur telekomunikasi dan kemampuan perkhidmatan internet, yang mana berkait rapat dengan polisi kerajaan. (IT Group. 1999). Seperti mana negara lain, iaitu Australia dan China telah menganggap internet sebagai satu alat yang utama dalam pembangunan ekonomi negara dan sosial. Sejak tahun 1990-an, industri telekomunikasi telah berubah secara drastik dengan sebaran yang luas bagi telekomunikasi selular. Akan tetapi, pasaran telefon selular masih belum dikaji secara cekap dan terperinci. Kajian ini akan mengupas arah penyebab antara perkhidmatan telekomunikasi dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia, selaras dengan pelaksanaan Dasar Telekomunikasi Nasional (1994-2020). Oleh itu, pendekatan bersifat analisis Penyebab-Granger diaplikasikan secara menyeluruh dalam kajian ini bagi meninjau arah perhubungan antara perkhidmatan berasaskan telekomunikasi terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Terdapat 4 aspek utama yang terlibat dalam perkhidmatan telekomunikasi Malaysia, iaitu telefon selular, talian internet, talian tetap dan Talian Ibu Sawat Terus (DEL). Bagi tujuan penganggaran, kajian ini telah mengguna pakai data berbentuk siri masa bersifat tahunan, iaitu dari tahun 1993 hingga 2004 yang diperolehi dari Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Jabatan Perangkaan Malaysia. Hasil keputusan kajian ini membuktikan bahawa wujudnya arah Penyebab- Granger terhadap tingkat pertumbuhan ekonomi negara hasil dari perkembangan sistem telekomunikasi dan ini secara tidak langsung dapat membolehkan pihak kerajaan untuk merangka pelbagai dasar serta program bagi memperluaskan penggunaan teknologi maklumat di pelbagai peringkat perkhidmatan, dan tidak semata-mata tertumpu terhadap perkhidmatan berasaskan pembuatan dan pendidikan.

Kata kunci : Telekomunikasi, pertumbuhan ekonomi, Teknologi Maklumat (IT), Ujian Penyebab-Granger.

ABSTRACT

The movement of relation based on information technology started to develop faster at global stage, especially from increases in internet and mobile users. Internet access is determined by a combination of a widely available telecommunication infrastructure and affordability of internet services, which are closely related to government policies (IT Group, 1999). For example, both Australia and China have considered the internet a powerful tool for national development economically and socially. Since 1990s, the telecommunication industry has changed dramatically with the wide diffusion of mobile telecommunications. In spite of this, the nature of the mobile phone market has not yet been explored sufficiently. These studies are shown the cause direction between telecommunications industry with economic growth of Malaysia, consistent with implementation of the National Telecommunications Policy (1994-2020). The Granger-Causality Test has been implemented in this study to identify the relationship between services based on telecommunications to economics growth of Malaysia. There were four important aspects involved in telecommunication industry such as mobile phone, internet, fix line and DEL. For approximation purposes, this study used yearly data, from 1993-2004. All data has been received from Central Bank of Malaysia, Communications and Multimedia Commission and Malaysia Department of Statistics (DOS). Results suggest and proved that there was exists directions of Granger-Causality between economic growth from the enhancing telecommunications system and indirectly helps the government to create a framework of policy to enlarge the information technology on services not only focus to services that based on education and manufacturing only.

Keyword: Communications, economy Growth. Information Technology (IT), Granger-Causality Test